

**KEHILANGAN MAKNA DALAM PENTERJEMAHAN *CHENGYU* KE
DALAM BAHASA MELAYU**

***LOSS OF MEANING IN THE TRANSLATION OF CHENGYU INTO
MALAY***

Boh Phaik Ean¹ and Goh Sang Seong^{2*}

^{1,2}Malay Language, Translation and Interpreting, School of Humanities,
Universiti Sains Malaysia, 11800 USM Pulau Pinang, Malaysia

*Corresponding author: gohss@usm.my

Makalah ini membincangkan fenomena kehilangan makna dalam penterjemahan chengyu ke dalam bahasa Melayu. Terjemahan chengyu yang dikutip secara manual daripada tiga buah antologi cerpen berjudul Mala Adan (1988), Dalam Hujan Renyai (2000), Impian di Pelabuhan (2004) dan sebuah novel berjudul Keluarga (1995) dijadikan korpus kajian. Kerangka teori yang dimanfaatkan untuk analisis termasuklah definisi penterjemahan dan kehilangan makna yang dikemukakan oleh Newmark (1981) serta definisi dan pengkategorian chengyu yang disarankan oleh Wu dan Wang (1983). Kaedah perbandingan teks untuk meneliti persamaan dan perbezaan makna dalam teks sumber dan teks sasaran dimanfaatkan. Hasil pencerakinan data menunjukkan bahawa fenomena kehilangan makna sememangnya berlaku dalam penterjemahan chengyu ke dalam bahasa Melayu. Keadaan ini menghasilkan pelbagai jenis kesan terjemahan iaitu, terjemahan berkurangan, terjemahan berlebihan, terjemahan salah dan terjemahan kosong. Untuk memastikan ketepatan terjemahan makna chengyu dalam teks sasaran, penelitian yang menyeluruh tentang makna leksikal dan makna hakiki chengyu adalah penting. Chengyu bukan sahaja boleh diterjemahkan dengan menggunakan kaedah penerangan, malahan padanan sejadi juga boleh diaplikasikan.

Kata kunci: penterjemahan *chengyu*, makna leksikal, makna hakiki, kehilangan makna, penterjemahan bahasa Cina-bahasa Melayu

This paper discusses the phenomenon of loss of meaning in translating chengyu into Malay. Chengyu translations collected manually from three short-story anthologies titled Mala Adan (1988), Dalam Hujan Renyai (2000), Impian Di Pelabuhan (2004) and a novel called Keluarga (1995) were used as the corpus of study. The theoretical framework used for the analysis includes the definition of translation and loss of meaning as suggested by Newmark (1981) and also the definition and categorisation of chengyu that are employed by Wu Zhan Kun and Wang Qin (1983). To examine similarities and differences in meaning between source text and target text, the text comparison method was utilised. The analysis

of data shows that a phenomenon of loss of meaning does indeed occur in the translation of chengyu into Malay. This produces a number of translation effects such as undertranslation, overtranslation, mistranslation and zero translation. To ensure that the translation of a chengyu in the target text is accurate, a comprehensive study of the lexical meaning and true meaning of the chengyu was undertaken. It was found that not only can chengyu be translated using the descriptive method, a natural equivalent translation can also be applied.

Keywords: translation of chengyu, lexical meaning, actual meaning, loss of meaning, Chinese-Malay translation

PENGENALAN

Menurut pendeta Za'ba (1965: 166), "semua bahasa penuh dengan peribahasa, bidalan dan perumpamaan." Pendapat ini turut diakui oleh Larson (1984: 20) bahawa "*all languages have idioms, i.e., a string of words whose meaning is different than the meaning conveyed by the individual words.*" Baker (2011: 67) dalam menggariskan perbezaan antara ungkapan tetap dengan idiom turut mengetengahkan bahawa makna yang didukung oleh idiom selalunya tidak dapat disimpulkan daripada komponen-komponen yang membentuknya. Dalam bahasa Cina pula, jenis ungkapan tersebut secara amnya dikenali sebagai *shuyu*. Menurut Fu (2011: 11), *shuyu* merangkumi *chengyu*, *yanyu*, *xiehouyu*, *guanyongyu* dan sebagainya. Berbeza daripada jenis ungkapan yang lain, makna hakiki *chengyu* tidak sekadar ditonjolkan melalui gabungan erti bagi setiap aksara yang membentuknya (Li, 1994: 72).

Menurut Wu dan Wang (1983: 249), *chengyu* ialah sejenis ungkapan tetap yang bentuk dan maknanya bersifat beku, ringkas lagi padat, melahirkan buah fikiran dengan empat aksara serta mempunyai gaya bahasa yang halus lagi indah. Berdasarkan hubungan antara makna leksikal iaitu, maksud tersurat *chengyu* yang dapat dicapai melalui gabungan erti bagi aksara yang membentuknya dengan makna hakiki iaitu, maksud tersirat yang dibawa oleh *chengyu*, Wu dan Wang (1983: 259–263) mengklasifikasikan *chengyu* kepada dua kategori yang utama iaitu, *chengyu* bergabung dan *chengyu* tidak bergabung. *Chengyu* bergabung merujuk kepada *chengyu* yang makna hakikinya serupa dengan makna leksikalnya. Bagi *chengyu* tidak bergabung pula, makna hakikinya adalah tidak selaras dengan makna leksikalnya.

Fenomena bahawa kebanyakan makna hakiki *chengyu* tidak dapat dicapai secara langsung menerusi makna leksikal (Wu dan Wang, 1983: 259–260) tentunya memberikan cabaran kepada para penterjemah. Lebih-lebih lagi *chengyu* yang mempunyai asal-usul yang rumit seperti *chengyu* yang bersumberkan peristiwa bersejarah, cerita bersifat pengajaran atau alegori.

Kajian Goh (2010; 2012) menunjukkan bahawa cara pengamatan terhadap alam persekitaran yang serupa antara pengguna bahasa Melayu dan pengguna bahasa Cina memungkinkan kebolehterjemahan peribahasa Melayu ke dalam bentuk peribahasa Cina. Sungguhpun demikian, kebarangkalian peribahasa bahasa sumber dapat diberikan terjemahan sejadinya dalam bahasa sasaran agak tipis. Hal ini disebabkan lingkungan dan kandungan yang termuat dalam peribahasa adalah berbeza-beza mengikut perkembangan bahasa dan kemajuan bangsa yang menggunakannya (Za'ba, 1965: 166).

Menurut Baker (2011: 68), penterjemahan idiom melibatkan kesukaran dalam pentafsiran dan pemindahan makna idiom secara tepat ke dalam bahasa sasaran. Baker (2011: 71–75) berhujah bahawa:

1. *An idiom or fixed expression may have no equivalent in the target language;*
2. *An idiom or fixed expression may have a similar counterpart in the target language, but its context of use may be different; the two expressions may have different connotations, for instance, or they may not be pragmatically transferable;*
3. *An idiom may be used in the source text in both its literal and idiomatic senses at the same time;*
4. *The very convention of using idioms in written discourse, the contexts in which they can be used, and their frequency of use may be different in the source and target languages.*

Walaupun idiom, peribahasa Melayu, peribahasa dan *chengyu* Cina masing-masing mempunyai bentuk dan strukturnya yang tersendiri, namun keempat-empat isu yang diketengahkan oleh Baker tetap perlu diberikan perhatian dalam penterjemahan yang menekankan kepentingan pemindahan makna. Perkara ini lebih menyerlah apabila Chen (2005: 210) menyatakan bahawa mutu terjemahan akan terjejas sekiranya makna hakiki *chengyu* gagal disampaikan secara tepat ke dalam teks sasaran.

Kepentingan pemindahan mesej asal ke dalam teks sasaran sememangnya tidak dapat dinafikan lagi. Sarjana-sarjana terkemuka dalam bidang penterjemahan seperti Catford (1965), Nida dan Taber (1969) serta Larson (1984) sebulat suara menyatakan bahawa penterjemahan ialah proses untuk menyampaikan mesej daripada satu bahasa kepada bahasa yang lain. Newmark (1981: 7) yang sependapat turut menyuarakan bahawa:

Translation is a craft consisting in the attempt to replace a written message and/or statement in one language by the same message and/or statement in another language. Each exercise involves some kind of loss of meaning, due to a number of factors. It provokes a continuous tension, a dialectic, an argument based

on the claims of each language. The basic loss is on a continuum between overtranslation (increased detail) and undertranslation (increased generalization).

Daripada definisi penterjemahan yang dikemukakan, maka dapatlah disimpulkan bahawa penyalinan semula mesej bahasa sumber ke dalam bahasa sasaran ternyata amat diutamakan dalam aktiviti penterjemahan. Sehubungan dengan itu, makna menjadi aspek yang mustahak dan harus diberikan penekanan yang menyeluruh bagi menjamin kualiti hasil terjemahan. Sungguhpun demikian, usaha penyampaian semula makna ini sering menghadapi kebuntuan kerana adanya fenomena kehilangan makna sehingga terbentuknya dua kesan penterjemahan yang diutarakan oleh Newmark (1981) iaitu, terjemahan berlebihan dan terjemahan berkurangan. Newmark (1981: 39) menjelaskan lagi bahawa:

Generally, a communicative translation is likely to be smoother, simpler, clearer, more direct, more conventional, conforming to a particular register of language, tending to undertranslate, i.e., to use more generic, hold-all terms in difficult passages. A semantic translation tends to be more complex, more awkward, more detailed, more concentrated, and pursues the thought-processes rather than the intention of the transmitter. It tends to overtranslate, to be more specific than the original, to include more meanings in its search for one nuance of meaning.

Daripada penerangan Newmark (1981: 39), kelihatan fenomena kehilangan makna berkait langsung dengan pendekatan penterjemahan yang dimanfaatkan oleh penterjemah. Penggunaan pendekatan semantik yang bersifat lebih rumit, janggal dan terperinci menjurus kepada terjemahan berlebihan iaitu, terjemahan yang mengandungi makna yang melebihi makna teks asal. Sebaliknya, penggunaan pendekatan komunikatif yang bersifat lebih lancar, mudah, terus dan jelas sifatnya pula menjurus kepada terjemahan berkurangan iaitu, terjemahan yang menyampaikan makna yang kurang daripada makna teks asal. Dengan erti kata lain, terjemahan berlebihan ialah terjemahan yang mendukung maklumat yang lebih terperinci dan spesifik daripada maklumat yang terkandung dalam teks sumber, manakala terjemahan berkurangan pula mendukung maklumat yang bersifat lebih umum berbanding maklumat yang terkandung dalam teks sumber.

Sama ada maklumat yang disampaikan ke dalam teks sasaran bersifat lebih umum (terjemahan berkurangan) atau lebih terperinci (terjemahan berlebihan) berbanding teks sumber, terjemahan yang dihasilkan sesungguhnya mengalami fenomena kehilangan makna. Hal ini kerana maklumat yang disampaikan ke dalam teks sasaran tidak lagi setara dengan maklumat asalnya yang terkandung dalam teks sumber. Persamaan makna antara teks sumber

dengan teks sasaran tidak dapat dicapai. Penekanan kepada mana-mana satu jenis pendekatan tersebut secara tidak langsung menyebabkan berlakunya fenomena kehilangan makna dalam penterjemahan.

Oleh itu, dalam usaha penyalinan semula makna asal ke dalam teks sasaran secara tepat, fenomena kehilangan makna dalam penterjemahan sesungguhnya perlu dikurangkan pada tahap yang paling minimum. Sebarang bentuk kehilangan makna ini menjejaskan usaha pemindahan maklumat daripada teks sumber kepada teks sasaran. Untuk itu, makalah ini membincangkan keadaan kehilangan makna yang berlaku dalam penterjemahan *chengyu* ke dalam bahasa Melayu.

Bagi tujuan analisis, definisi penterjemahan dan kehilangan makna yang dikemukakan oleh Newmark (1981) dimanfaatkan untuk mengenal pasti keadaan pemindahan makna *chengyu* ke dalam bahasa Melayu. Selain itu, definisi *chengyu* dan pengkategorian *chengyu* yang disarankan oleh Wu dan Wang (1983) turut diambil pakai untuk mengenal pasti dan mengklasifikasikan data kajian. Kajian ini didahului oleh aktiviti pengenalanpastian *chengyu* yang hadir dalam korpus kajian dan kemudian diikuti oleh langkah pengumpulan padanan terjemahan *chengyu* yang diberikan dalam bahasa Melayu. Makna padanan terjemahan yang diberikan dalam teks sasaran kemudian dibandingkan dengan makna *chengyu* dalam teks sumber dengan berpandukan Kamus *Zhong Guo Cheng Yu Da Ci Dian* (1987), Kamus *Cheng Yu Da Ci Dian* (2007), Kamus *Zui Xin Han Yu Da Ci Dian* (2000), Kamus Dewan (2005) dan Kamus Istimewa Peribahasa Melayu (1991).

Menurut Zhang (1982: 116–118), pemakaian *chengyu* mampu meningkatkan keberkesanan proses penyampaian mesej serta berupaya menghasilkan penulisan yang kemas, menarik, indah dan kuat semangatnya. Feng (1997: 126) menambahkan lagi bahawa *chengyu* yang terbentuk daripada empat aksara mempunyai lebih daripada sepuluh ribu lema dan berfungsi penting dalam bidang penulisan komen politik, susastera, sains dan sebagainya. Pernyataan tersebut menunjukkan bahawa *chengyu* berfungsi penting dalam penulisan bahasa Cina. Atas faktor tersebut penterjemah tentunya tidak dapat lari daripada penterjemahan *chengyu* apabila berurusan dengan teks bahasa Cina, lebih-lebih lagi dalam teks kesusasteraan. Fenomena ini menjadi justifikasi dalam kajian ini untuk memilih teks kesusasteraan sebagai korpus kajian. *Chengyu* yang menjadi korpus kajian ini dikutip secara manual daripada teks sumber bagi keempat-empat buah terjemahan iaitu, antologi cerpen *Mala Adan* (1988), novel *Keluarga* (1995), antologi cerpen *Dalam Hujan Renyai* (2000) dan antologi cerpen *Impian di Pelabuhan* (2004). Keempat-empat teks yang dikaji merupakan teks susastera *Mahua* (karya sastera yang dihasilkan oleh orang Cina Malaysia) dan teks sastera agung China yang telah diterjemahkan dan diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka. Teks-teks pilihan ini bukan hanya mendukung mesej tentang sosiobudaya dan mentifaks masyarakat Cina Malaysia dan China, malahan turut banyak menggunakan *chengyu* dalam persembahan mesej tersebut.

ANALISIS DAN PERBINCANGAN

Selaras dengan objektif kajian ini yang menumpukan perhatian pada fenomena kehilangan makna dalam penterjemahan *chengyu* ke dalam bahasa Melayu, perbincangan dalam makalah hanya berfokus pada *chengyu* yang mengalami masalah ketepatan padanan makna dalam teks sasaran. Hanya data yang menunjukkan pola fenomena kehilangan makna yang signifikan sahaja diturunkan sebagai contoh. Selain itu, perbincangan adalah terbatas pada makna leksikal dan makna hakiki *chengyu* dan tidak melibatkan asal-usul *chengyu*. Hasil analisis menunjukkan bahawa kehilangan makna yang berlaku bukan hanya menghasilkan terjemahan berlebihan dan terjemahan berkurangan, malahan turut menyebabkan terjemahan salah dan terjemahan kosong. Terjemahan salah di sini merujuk kepada keadaan pemberian padanan terjemahan yang maknanya berbeza daripada mesej teks sumber, manakala terjemahan kosong pula merujuk kepada keadaan makna teks sumber yang tidak dipindahkan ke dalam teks sasaran. Setiap kesan terjemahan dikemukakan dua sampel daripada korpus kajian sebagai contoh untuk perbincangan.

Perbincangan data dimulakan dengan terjemahan berkurangan dan kemudian disusuli oleh terjemahan berlebihan, terjemahan salah serta terjemahan kosong. Setiap data yang dibincangkan didahului dengan teks sumber yang bersertakan judul buku, halaman, perenggan dan baris dalam tanda kurung bulat pada penghujung ayat. Bagi teks sumber yang tidak dapat dikesan sumber penerbitannya, hanya judul teks sahaja diberikan. Transliterasi teks sumber juga disediakan dalam huruf roman yang dicondongkan. Data kemudiannya diikuti oleh glos dan akhir sekali disertakan teks sasaran dengan judul buku, halaman, perenggan dan baris yang dicatatkan dalam tanda kurung bulat. Tanda {Ø} merujuk kepada padanan kosong.

Terjemahan Berkurangan

Chengyu 执迷不悟 [*zhi mi bu wu*; tetap kabur tidak sedar] dalam Data 1 (Jadual 1) ialah jenis *chengyu* bergabung kerana makna hakikinya adalah selaras dengan makna leksikalnya iaitu, sikap seseorang yang tetap berdegil dengan kesalahannya dan tidak berasa insaf (Kamus *Zhong Guo Cheng Yu Da Ci Dian*, 1987: 1737). Dalam teks sumber, *chengyu* tersebut bertujuan untuk menerangkan sikap degil penghuni yang enggan bersetuju untuk berpindah. *Chengyu* tersebut diterjemahkan ke dalam teks sasaran sebagai "tak setuju" yang bermaksud "bertentangan pendapat dan fikiran" (Kamus Dewan, 2005: 1574 dan 1723). Dengan membandingkan kedua-dua makna hakiki yang didukung oleh *chengyu* tersebut dengan makna padanan terjemahan yang diberikan dalam bahasa sasaran, maka ternyata sifat "degil" dan "tidak insaf" yang tersisip pada *chengyu* tersebut tidak diungkapkan kembali ke dalam bahasa sasaran. Keadaan sedemikian menunjukkan teks sasaran mengalami pengurangan makna. Jadi, terjemahan yang

dihasilkan ialah terjemahan berkurangan. Bagi menimbal balik makna yang kurang itu, dicadangkan supaya *chengyu* tersebut diterjemahkan ke dalam bahasa sasaran sebagai "tetap berdegil" yang merujuk kepada "kekal berkeras hati (tidak mahu berganjak daripada pendirian dan sebagainya) dan enggan menurut perintah" (Kamus Dewan, 2005: 1676 dan 326).

Jadual 1: Terjemahan berkurangan

Data	Teks sumber	Transliterasi	Glos	Teks sasaran
Data 1	<p>..."总而言之, 我们老板是希望这件事能够在温和公平的情形下解决, 你们也应该晓得, 走门路方面光的暗的我们相当熟, 如果你执迷不悟的话, 说不定到时被逼迁, 想补贴费连个渣都没有..." (Kong Gao)</p>	<p>..."zongeryanzhi, women laoban shi xiwang zhe jian shi nenggou zai wenhe gongping de qingxing xia jie jue, nimen ye yinggai xiaode, zou menlu fangmian guang de an de women dou xiangdang shu, ruguo ni zhi mi bu wu de hua, shuobuding daoshi bei biqian, xiang butiefei lian ge zha dou meiyou..."</p>	<p>..."Ringkasnya, kami tauke ialah harap ini {penjodoh bilangan} perkara dapat dalam lembut adil punya keadaan bawah selesaikan, kalian juga patut tahu, jalan cara aspek terang punya gelap punya kami juga cukup mahir, kalau kamu <u>tetap kabur tidak sedar</u> punya kata, mungkin nanti kena paksa pindah, harap ganti rugi sampai {penjodoh bilangan} sisa pun tiada..."</p>	<p>Lalu dia berujar, "Pendek kata, boss kami harap perkara ini dapat diselesaikan dengan cara aman. Kau juga tau kami agak biasa dengan cara gelap maupun terang. Jika kau <u>tak setuju</u>, mungkin juga kau akan dipaksa pindah dan wang pindah sedikit pun tak dapat ..." (Mala Adan: 6.7.2)</p>
Data 2	<p>"我问你, 你晓不晓得你吃的、穿的、用的是从哪儿来的?" 老太爷问道。 "都是爹给的," 克定回答道。 "那么你懂得<u>坐吃山空</u>的话吗? ..." (Jia: 356.3.1)</p>	<p>"wo wen ni, ni xiao bu xiaode ni chi de, chuan de, yong de shi cong naer lai de?" laotaiye wendao. "dou shi die gei de," ke ding huida dao. "name ni dongde <u>zuo chi shan kong</u> de hua ma?..."</p>	<p>"Aku tanya kau, kau tahu tak tahu kau makan punya, pakai punya, guna punya ialah dari mana datang punya?" datuk tanya. "Semua ialah ayah bagi punya," Ke Ding jawab berkata. "Jadi kamu faham <u>duduk makan gunung kosong</u> punya kata {kata tanya}?..."</p>	<p>"Aku nak tanya. Tahukah kau, dari mana datang segala rezeki hidupmu?" soal datuk. "Kesemua itu pemberian ayah," balas Ke Ding. "Jika begitu, adakah kau tahu apa itu <u>hidup boros</u>..." (Keluarga: 461.7.1)</p>

Chengyu 坐吃山空 [*zuo chi shan kong*; duduk makan gunung kosong] dalam Data 2 (Jadual 1) ialah jenis *chengyu* bergabung kerana makna hakikinya dapat dicapai secara langsung melalui makna leksikalnya iaitu, jika seseorang itu hanya duduk menikmati kesenangan dan malas berusaha, suatu hari nanti harta yang sebanyak mana pun akan kehabisan juga (Kamus *Zhong Guo Cheng Yu Da Ci Dian* 1987: 1813). Pemakaian *chengyu* tersebut dalam dialog ayah Ke Ding bertujuan untuk menyedarkan anaknya, Ke Ding bahawa harta yang banyak akan kehabisan sekiranya seseorang itu hanya tahu berbelanja dan tidak bertekad untuk berusaha. Makna *chengyu* ini telah dipadankan dengan "hidup boros" yang merujuk kepada perihal manusia yang "berada dalam keadaan tidak hemat dan suka mengeluarkan wang berlebih-lebihan" (Kamus Dewan, 2005: 533 dan 204). Dengan membandingkan makna padanan ini dengan makna asal yang terkandung dalam teks sumber, didapati bahawa pemindahan makna *chengyu* ke dalam bahasa sasaran adalah tidak lengkap. Hal ini demikian kerana selain hidup boros, sikap malas untuk berusaha yang dibawa oleh *chengyu* tersebut tidak diterjemahkan ke dalam teks sasaran. Terjemahan itu telah menunjukkan teks sasaran mengalami pengurangan makna. Oleh itu, terjemahan yang dihasilkan itu ialah terjemahan berkurangan. Bagi memindahkan mesej asal tersebut secara tepat, dicadangkan supaya *chengyu* tersebut diberikan padanan sejadinya dalam bahasa sasaran iaitu, "gunung yang tinggi akan runtuh, jika setiap hari digali" yang membawa maksud "biar bagaimana sekalipun banyaknya harta, akan habis juga jika selalu diboroskan dan tiada ditambah-tambah" (Kamus Istimewa Peribahasa Melayu, 1991: 77). Makna "malas berusaha" kelihatan dekat dengan makna "tiada ditambah-tambah."

Terjemahan Berlebihan

Chengyu 步步为营 [*bu bu wei ying*; setiap langkah dirikan kem] dalam Data 3 (Jadual 2) ialah jenis *chengyu* tidak bergabung kerana makna hakikinya adalah berbeza daripada makna leksikalnya. Makna hakiki yang dibawa oleh *chengyu* ini iaitu, sikap seseorang yang berhati-hati dalam setiap tindakan diungkapkan melalui makna leksikalnya iaitu, tindakan pasukan tentera untuk mendirikan kem setiap kali mereka maju ke depan (Kamus *Zhong Guo Cheng Yu Da Ci Dian*, 1987: 123). *Chengyu* tersebut yang hadir dalam teks sumber menerangkan sikap seseorang yang berhati-hati ketika berjalan. *Chengyu* tersebut telah diterjemahkan ke dalam bahasa sasaran sebagai "melangkah berhati-hati dengan mengira langkah." Perkataan utama yang membentuk frasa tersebut masing-masing membawa maksud "berjalan," "memberi perhatian yang teliti," "menghitung" dan "jarak di antara dua belah kaki ketika berjalan" (Kamus Dewan, 2005: 885, 521, 794). Secara keseluruhan, padanan terjemahan yang diberikan itu membawa maksud keadaan seseorang yang memberi perhatian yang teliti ketika berjalan dengan menghitung jarak di antara dua belah kaki ketika berjalan. Makna hakiki

chengyu tersebut iaitu, sikap berhati-hati didapati berjaya disampaikan ke dalam bahasa sasaran melalui frasa "melangkah berhati-hati" yang diberikan dalam teks sasaran. Sungguhpun demikian, didapati bahawa maklumat yang tidak didukung oleh *chengyu* tersebut telah ditambahkan ke dalam teks sasaran melalui frasa keterangan iaitu, "dengan mengira langkah." Terjemahan itu menunjukkan teks sasaran mengalami penambahan makna. Jadi, terjemahan yang dihasilkan itu ialah terjemahan berlebihan. Bagi mengatasi masalah ini, dicadangkan maklumat tambahan yang diberikan iaitu, "dengan mengira langkah" digugurkan dalam teks sasaran. Tambahan pula, padanan "melangkah berhati-hati" yang silap tatabahasanya perlu diperbaiki. "Melangkah" ialah frasa kerja tak transitif, manakala frasa "berhati-hati" berfungsi sebagai frasa penerang. Untuk menggabungkan frasa kerja tak transitif dengan frasa penerang, kata hubung "dengan" perlu ada. Cadangan padanannya ialah "melangkah dengan berhati-hati."

Chengyu 愁云惨雾 [*chou yun can wu*; kelimawan muram kabus] dalam Data 4 (Jadual 2) ialah jenis *chengyu* tidak bergabung kerana makna hakikinya tidak sama dengan makna leksikalnya. Makna leksikal yang didukung oleh *chengyu* ini iaitu, keadaan langit yang diselubungi awan dan kabus yang kelimawan berfungsi untuk diasosiasikan dengan makna hakikinya iaitu, perihal pemandangan atau suasana yang muram (Kamus *Zhong Guo Cheng Yu Da Ci Dian*, 1987: 184). Kehadiran *chengyu* tersebut dalam teks sumber menceritakan perasaan ketua keluarga yang digambarkan melalui wajah mereka yang masam atau murung berikutan bebanan keluarga yang perlu dipikul. *Chengyu* tersebut diterjemahkan kepada "...teruk...bermuka masam. Hitam-hitam belaka. Bagai langit dilindungi awan mendung." Padanan yang diberikan ini ternyata bukan sahaja menyampaikan makna hakiki *chengyu* tersebut ke dalam bahasa sasaran melalui perkataan "teruk" dan frasa "bermuka masam," malah turut memindahkan makna leksikal *chengyu* tersebut melalui frasa "hitam-hitam belaka" dan "bagai langit dilindungi awan mendung." Cara sedemikian sesungguhnya dapat mengekalkan mesej asal ke dalam teks sasaran. Akan tetapi, padanan yang diberikan dalam teks sasaran didapati mengandungi maklumat yang terlebih daripada makna asalnya dan penggunaan bahasanya juga tidak ekonomis. Keadaan tersebut menyebabkan teks sasaran dilimpahi maklumat yang berlebihan. Oleh hal sedemikian, terjemahan yang diberikan ialah terjemahan berlebihan. Walau bagaimanapun, dari aspek penulisan karya sastera, teknik penekanan melalui pengulangan kata yang sama makna lazim digunakan. Oleh itu, terjemahan berlebihan ini boleh diterima sekiranya penekanan tersebut ingin diwujudkan dalam teks sasaran.

Jadual 2: Terjemahan berlebihan

Data	Teks sumber	Transliterasi	Glos	Teks sasaran
Data 3	烧剩半片的木寮板墙上，留下悚目惊心的弹孔！我们步步为营。(Ying Huo He De Ye Hang)	<i>shao sheng ban pan de mu liao bangiang shang, liuxia song mu jingxin de dan kong! Women bu bu wei ying.</i>	Bakar sisa separuh {penjodoh bilangan} punya kayu pondok dinding papan atas, meninggalkan mengerikan mata menggerunkan hati punya peluru lubang! Kami <u>setiap langkah dirikan kem.</u>	Dan di atas papan-papan sisa selepas kebakaran, terpampang pula lubang-lubang peluru! Alangkah mengerikan! Kami <u>melangkah berhati-hati dengan mengira langkah</u> (Impian di Pelabuhan: 337.5.4).
Data 4	当家的本来稀少笑容的脸上更是笼罩一片愁云惨雾，讲话的时候更像在嘶嚷呐喊，仿佛心头压着些东西，要鼓气把它从喉咙迸挤出去！(An Chao).	<i>dangjia de benlai xishao xiaorong de lianshang geng shi longzhao yipian chou yun can wu, jianghua de shihou geng xiang zai si rang nahan, fangfo xintou ya zhe xie dongxi, yao guqi ba ta cong houlong beng ji chuqu!</i>	Mengurus keluarga punya asalnya jarang senyuman punya muka lagi ialah diliputi selapis <u>kelam awan muram kabus</u> , bercakap punya masa lagi bagai sedang pekik jerit, seolah-olahnya hati dihimpit sedang sesuatu benda, ingin marah ambil dia dari kerongkong pecah tekan keluar!	Sememangnya rasa senyum yang kurang tersembul di muka mereka pada hari kebiasaannya, kali ini lebih <u>teruk</u> lagi. Mereka semuanya <u>bermuka masam</u> . <u>Hitam-hitam belaka</u> . <u>Bagai langit dilindungi awan mendung</u> . Bila melafazkan sesuatu, suara mereka seperti memekik. Bagai ingin mengeluarkan barangan yang tersumbat di hati melalui kerongkong! (Mala Adan: 116.2.5)

Terjemahan Salah

Chengyu 三三两两 [*san san liang liang*; tiga tiga dua dua] dalam Data 5 (Jadual 3) ialah jenis *chengyu* tidak bergabung kerana makna hakikinya adalah berbeza daripada makna leksikalnya. Makna hakiki *chengyu* tersebut yang merujuk kepada jumlah bilangan yang tidak banyak diungkapkan melalui makna leksikalnya iaitu, dua atau tiga orang berkumpul bersama-sama dalam satu kelompok (Kamus *Cheng Yu Da Ci Dian*, 2007: 805). Daripada kedua-dua makna ini, kata bilangan "dua" dan "tiga" yang membentuk *chengyu* tersebut

ternyata berfungsi untuk menunjukkan bilangan yang sedikit dan tidak bertujuan untuk menyatakan jumlah bilangan orang. Akan tetapi, didapati bahawa frasa 分头 [*fen tou* "secara berasingan"] dalam teks sumber digunakan untuk memerikan keadaan pihak pekebun yang pergi memohon bantuan. Daripada frasa 分头 [*fen tou*] yang memerikan situasi manusia yang dibahagikan kepada beberapa kumpulan untuk menjalankan sesuatu kerja (Kamus *Zui Xin Han Yu Da Ci Dian*, 2000: 315), maka didapati bahawa pekebun yang dinyatakan dalam teks sumber sebenarnya dibahagikan kepada beberapa kumpulan untuk memohon bantuan daripada beberapa pihak yang berlainan seperti pihak kerajaan, parti pembangkang dan sebagainya. Secara keseluruhan, makna teks sumber ialah para pekebun dibahagi-bahagikan kepada beberapa kumpulan kecil. Setiap kumpulan kecil itu terdiri daripada beberapa orang. Mereka hendak pergi meminta pertolongan daripada pihak tertentu secara berasingan. Sungguhpun *chengyu* 三三两两 [*san san liang liang*] dalam teks sumber menyatakan bilangan pekebun yang tidak banyak, namun jumlah keseluruhannya tidak semestinya kecil kerana mereka telah dipecahkan kepada kumpulan-kumpulan yang kecil. Ringkasnya, jumlah bilangan pekebun yang pergi memohon bantuan tidaklah kurang. Akan tetapi, jumlah sebenar tidak dimaklumkan dalam teks sumber. Padanan terjemahan didapati menimbulkan dua masalah. Pertama, mesej asal tidak mendedahkan jumlah bilangan pekebun yang datang memohon bantuan, tetapi maklumat tersebut dinyatakan dalam teks sasaran melalui frasa "dua tiga orang daripada mereka." Fenomena ini ternyata berlaku akibat daripada tindakan menyalin semula makna leksikal *chengyu* tidak bergabung ke dalam teks sasaran. Kedua, frasa 分头 [*fen tou*] yang mendukung maksud secara berasingan digugurkan dalam teks sasaran. Tindakan sedemikian bukan sahaja menyebabkan situasi pekebun yang berpecah-pecah kepada beberapa kumpulan untuk mendapat bantuan daripada beberapa pihak yang berlainan secara berasingan tidak dapat disampaikan dalam teks sasaran, malahan memberikan mesej bahawa pekebun-pekebun tersebut pergi memohon bantuan daripada beberapa pihak secara bersama-sama iaitu, mereka tidak dipecahkan kepada beberapa kumpulan kecil. Lantaran itu, padanan terjemahan yang dihasilkan terpesong daripada makna asal. Teks sasaran ternyata mengalami perbezaan makna daripada teks sumber. Oleh itu, terjemahan yang dihasilkan ialah terjemahan salah. Bagi menyampaikan makna *chengyu* tersebut secara tepat ke dalam teks sasaran, dicadangkan supaya makna "berasingan" yang dibawakan oleh frasa 分头 [*fen tou*] perlu disampaikan ke dalam teks sasaran dan terjemahan makna leksikal *chengyu* tidak bergabung melalui frasa "dua tiga" perlu digantikan dengan makna hakiki *chengyu* tersebut.

Jadual 3: Terjemahan salah

Data	Teks sumber	Transliterasi	Glos	Teks sasaran
Data 5	大难当头，咸水芭的耕农倒也没有坐以待毙。三三两两的，他们拿着语言冷漠的公函，分头向执政党，反对党，华团，甚至过气政客求助。(Xian Shui Ba Shi Jian)	<i>Danan dangtou, xianshui ba de gengnong dao ye meiyou zuo yi dai bi. <u>San san liang liang de</u>, tamen na zhe yuyan lengmo de gonghan, fentou xiang zhizhengdang, fanduidang, huatuan, shenzhi guoqi zhengke qiuzhu.</i>	Bencana besar didatangi, air masin kebun punya pekebun sebaliknya juga tiada duduk dan tunggu mati. <u>Tiga tiga dua dua</u> punya, mereka ambil sedang bahasa dingin punya surat rasmi, masing-masing menghala parti kerajaan, parti pembangkang, persatuan Cina, malah berlalu ahli politik dapatkan bantuan.	Di pihak pekebun pula, mereka tidak berdiam diri. <u>Dua tiga</u> orang daripada mereka membawa surat rasmi berisi kata-kata amaran itu untuk memohon bantuan daripada parti kerajaan, parti pembangkang, persatuan-persatuan tempatan bahkan orang-orang yang berwibawa (Dalam Hujan Renyai: 101.1.1).
Data 6	... 而女眷们也踏着鞭炮的残骸，一路上嬉笑地走出大门，... 一年里只有这一刻她们才有在街上抛头露面的机会，所以大家都带着好奇的眼光，把朦胧中的静僻的街道饱看了一会。(Jia: 155.1.1)	<i>...er nvjun men ye ta zhe bianpao de canhai, yilushang xixiao de zou chu damen,...yi nian li zhiyou zhe yike tamen cai you zai jieshang <u>pao tou lu mian</u> de jihui, suoyi dajia dou daizhe haoqi de yanguang, ba menglong zhong de jingpi de jiedao bao kan le yihui.</i>	...manakala kaum wanita pun memijak sedang mercun punya sisa, sepanjang perjalanan gembira punya jalan keluar pintu besar...Setahun dalam hanya ada ini satu saat mereka baru ada di jalan <u>menunjukkan kepala menonjolkan muka</u> punya peluang, jadi semua membawa hairan punya pandangan, ambil samar-samar dalam punya sunyi punya jalan puas lihat seketika.	Sementara itu, ahli keluarga wanita pula keluar beramai-ramai dengan riang gembira...Dalam setahun, hanya saat-saat ini sahaja mereka diberikan peluang dan kebenaran untuk <u>berjalan bebas</u> di luar rumah. Justeru itu, mereka menatap dengan sepuas-puasnya jalan yang lengang dengan rasa ingin tahu dalam suasana berbalam-balam. (Keluarga: 205.4.3)

Chengyu 抛头露面 [*pao tou lu mian*; menunjukkan kepala menonjolkan muka] dalam Data 6 (Jadual 3) ialah jenis *chengyu* tidak bergabung kerana makna hakikinya tidak selaras dengan makna leksikalnya. Makna hakiki *chengyu*

ini yang menerangkan penampilan diri seseorang itu di khalayak umum dikembangkan daripada makna leksikalnya iaitu, perbuatan menunjukkan raut wajah di khalayak umum mahupun keluar dari rumah pada zaman feodal adalah dilarang (Kamus *Zhong Guo Cheng Yu Da Ci Dian*, 1987: 887). Sehubungan dengan hal ini, kelihatan ada makna budaya yang tersirat padanya. *Chengyu* ini digunakan dalam teks sumber untuk menceritakan kehidupan masyarakat feodal khususnya untuk menunjukkan kaum wanita yang dilarang untuk keluar dari rumah. *Chengyu* tersebut diterjemahkan kepada "berjalan bebas" yang merujuk kepada keupayaan dan kebebasan seseorang itu untuk bergerak tanpa dikongkong atau diiringi oleh orang lain (Kamus Dewan, 2005: 600 dan 143). Melalui perbandingan makna padanan dengan mesej teks sumber, didapati bahawa konsep yang melarang kaum wanita untuk menunjukkan wajah mereka di khalayak umum dan keluar dari rumah gagal disampaikan secara tepat ke dalam teks sasaran. Padanan terjemahan yang diberikan menggambarkan teks sasaran mengalami perbezaan makna. Oleh itu, terjemahan yang dihasilkan itu ialah terjemahan salah. Bagi mengungkapkan mesej tersebut ke dalam teks sasaran, dicadangkan supaya frasa "berjalan bebas" yang terkandung dalam "mereka diberikan peluang dan kebenaran untuk 'berjalan bebas' di luar rumah" digantikan dengan perkataan "keluar" dan kemudian frasa tersebut distrukturkan menjadi "mereka diberi peluang dan kebenaran untuk keluar dari rumah" atau struktur ayat dalam teks sasaran ditukar menjadi "bersiar-siar di khalayak umum" atau "menampilkan diri di khalayak umum."

Terjemahan Kosong

Chengyu 满载而归 [*man zai er gui*; penuh dimuat lalu pulang] dalam Data 7 (Jadual 4) ialah jenis *chengyu* tidak bergabung kerana makna leksikal dan makna hakikinya adalah tidak selaras. Makna hakiki yang terselindung pada *chengyu* ini iaitu, pemerolehan hasil pencapaian yang sangat lumayan disampaikan melalui perbandingan dengan makna leksikalnya yang memberikan gambaran secara fizikal iaitu, pulang dengan bekas yang penuh diisi dengan barang (Kamus *Cheng Yu Da Ci Dian*, 2000: 602). *Chengyu* yang hadir dalam teks sumber tersebut menyampaikan maklumat bahawa hasil binatang yang diburu agak banyak. Makna yang didukung oleh *chengyu* tersebut didapati tidak dipindahkan ke dalam teks sasaran. Hal sedemikian menyebabkan mesej teks sumber tidak dapat disampaikan ke dalam teks sasaran. Keadaan ini seterusnya memaparkan bahawa teks sasaran telah mengalami pengosongan makna. Jadi, terjemahan yang dihasilkan itu ialah terjemahan kosong. Bagi mengatasi masalah tersebut, disarankan supaya ayat "Kemudian, mereka membawa pulang hasil yang lumayan" dinyatakan dalam teks sasaran.

Jadual 4: Terjemahan kosong

Data	Teks sumber	Transliterasi	Glos	Teks sasaran
Data 7	...一眨眼之间，便会不翼而飞了，然后，他们满载而归，回到射击公会的场地，烧起炉灶，拿出镬锅，炒蒸炖煮，一件一件来。(Da Lie)	... <i>yi zhiyan zhijian, bian hui bu yi er fei le, ranhou, tamen man zai er gui, hui dao sheji gonghui de changdi, shao qi luzao, na chu huo guo, chao zheng dun zhu, yi jian yi jian lai.</i>	...satu kejam antara, pun boleh tiada sayap lalu terbang dah, kemudian, mereka <u>penuh dimuat lalu pulang</u> , balik ke menembak persatuan punya tempat, hidupkan naik dapur, ambil keluar kawah periuk, menggoreng mengukus mereneh memasak, satu {penjodoh bilangan} satu {penjodoh bilangan} mari.	...bahagian ekornya akan cepat hilang dalam sekelip mata sahaja. {Ø}. Apabila kembali ke kelab, urusan memasak binatang buruan pun bermula (Dalam Hujan Renyai: 86.1.13).
Data 8	她示意听到了，但却没回答。她那聚精会神的样子，嘴巴抿得紧紧的，一时忘了自己要向她说什么。(Ji Tou)	<i>Ta shiyi ting dao le, danque mei huida. Ta na ju jing hui shen de yangzi, zuiba min de jinjin de, yishi wang le zi ji yao xiang ta shuo xie shenme.</i>	Dia menunjukkan dengar dapat sudah, tetapi tidak menjawab. Dia itu <u>mengumpulkan kemahiran menghimpunkan kebijaksanaan</u> punya rupa, mulut ditutup dengan rapat punya, seketika lupa dah sendiri nak hadap dia cakap berapa apa.	Dia sudah dengar dan faham apa-apa yang dikatakan, tetapi dia tidak menjawab apa-apa. {Ø}. Mulutnya tutup rapat-rapat. Melihat ini, Su Ding terlupa apa-apa yang hendak ditanya. (Impian di Pelabuhan: 37.8.4)

Chengyu 聚精会神 [*ju jing hui shen*; mengumpulkan kemahiran menghimpunkan kebijaksanaan] dalam Data 8 (Jadual 4) ialah jenis *chengyu* tidak bergabung kerana makna hakikinya adalah berbeza daripada makna leksikalnya. Makna hakiki yang terselit dalam *chengyu* tersebut iaitu, daya tumpuan seseorang yang sangat tinggi adalah dikembangkan daripada makna leksikalnya yang berdenotasikan makna menghimpunkan ilmu dan kebijaksanaan daripada orang ramai (Kamus *Zhong Guo Cheng Yu Da Ci Dian*, 1987: 669–670). Kehadiran *chengyu* tersebut dalam teks sumber memerihalkan situasi seseorang itu yang menumpukan sepenuh perhatian kepada sesuatu yang dikerjakan. Dengan membandingkan kedua-dua teks kajian tersebut, didapati bahawa

chengyu yang hadir dalam teks sumber tidak diterjemahkan ke dalam teks sasaran. Pengguguran maklumat tersebut telah mengakibatkan *chengyu* yang dipakai dalam teks sumber hilang maknanya dalam teks sasaran. Situasi sebegini memperlihatkan teks sasaran telah mengalami pengosongan makna. Oleh itu, terjemahan yang dihasilkan itu ialah terjemahan kosong. Bagi menyampaikan mesej asal itu, dicadangkan supaya makna hakiki yang didukung oleh *chengyu* tersebut iaitu, "menumpukan sepenuh perhatian" disampaikan ke dalam teks sasaran.

KESIMPULAN

Hasil analisis menunjukkan bahawa fenomena kehilangan makna sememangnya berlaku dalam proses penterjemahan *chengyu* ke dalam bahasa Melayu. Hal ini membuktikan bahawa konsep kehilangan makna yang diutarakan oleh Newmark (1981) sememangnya berlaku dalam proses penterjemahan, khususnya dalam kajian ini yang melibatkan penterjemahan *chengyu* bagi pasangan bahasa Cina dan bahasa Melayu. Terjemahan berkurangan dan terjemahan berlebihan sebagaimana yang digagaskan oleh Newmark (1981) sesungguhnya menyebabkan timbulnya fenomena kehilangan makna dalam penterjemahan *chengyu* ke dalam bahasa Melayu. Selain itu, kajian ini turut mendapati bahawa terjemahan salah dan terjemahan kosong turut menyebabkan makna *chengyu* dalam teks sumber gagal disampaikan ke dalam teks sasaran. Hal ini menunjukkan bahawa selain terjemahan berkurangan dan terjemahan berlebihan, terjemahan salah dan terjemahan kosong turut menyebabkan terjemahan yang dihasilkan mengalami kehilangan makna.

Keadaan terjemahan berkurangan, terjemahan berlebihan, terjemahan salah dan terjemahan kosong yang terhasil dalam teks sasaran mengakibatkan makna yang didukung oleh *chengyu* gagal dipindahkan secara tepat ke dalam teks sasaran. Melalui penelitian yang dijalankan, walaupun fenomena kehilangan makna ini berlaku dalam penterjemahan *chengyu*, namun sebenarnya makna asal *chengyu* ini boleh diungkapkan kembali ke dalam teks sasaran. Masalah utama yang menyebabkan kehilangan makna ini kelihatan berpunca daripada penelitian makna asal *chengyu* yang kurang menyeluruh. Oleh itu, penelitian makna *chengyu* pada peringkat praterjemahan adalah penting untuk mengelakkan masalah kehilangan makna dalam terjemahan.

Dapatan analisis turut menunjukkan bahawa selain memerikan makna *chengyu* melalui kaedah penerangan, penggunaan padanan sejadi iaitu, *chengyu* diterjemahkan menjadi peribahasa dalam bahasa Melayu kelihatan dapat menyampaikan makna asal *chengyu* ke dalam teks sasaran juga.

Dari aspek penerapan teori, definisi dan pengkategorian *chengyu* yang berdasarkan hubungan antara makna leksikal dan makna hakiki yang dikemukakan oleh Wu dan Wang (1983) didapati relevan dan sesuai untuk mengenal pasti dan mengkategorikan *chengyu* daripada korpus kajian.

PENGHARGAAN

Terima kasih diucapkan kepada Geran Penyelidikan Eksploratori (ERGS) [203/PHUMANITI/6730035] dan Universiti Sains Malaysia yang telah membiayai kajian ini.

SENARAI TEKS SUMBER

Senarai teks sumber yang digunakan dalam kajian ini.

Ba Jin. 1999. *Jia*. Selangor: United Publishing House (M) Sdn. Bhd.
Ding Yun. *An Chao*.
Ding Yun. *Kong Gao*.
Ding Yun. *Ying Huo He De Ye Hang*.
Liang Fang. *Ji Tou*.
Ma Han. *Da Lie*.
Zheng Ke Da. *Xian Shui Ba Shi Jian*.

Senarai teks sumber yang tidak digunakan secara langsung dalam kajian ini.

Ai Si. *Guo Yan Yun Yan*.
Dai Xiao Hua. *Xiao Yu*.
Ding Yun. *Ke Ke Yuan Zhi Ye*.
Duo La. *Feng Zhong De Jiu Chong Ge*.
Fan Min. *Liu Min*.
Fang Ye. *Meng Yan Sui Yue*.
Hong Quan. *Ma He De Shui Sheng*.
Li Yong Ping. *Wei Cheng De Mu Qin*.
Li Zi Shu. *Ye Xing*.
Liang Fang. *Ma La A Da*.
Nian Hong. *Jing Bian*.
Pan Yu Tong. *Hun Li*.
Shang Wan Yun. *Mo Li Hua Xiang*.
Song Zi Heng. *Dan*.
Sun Yan Zhuang. *Kai Mai La*.
Tang Min. *Fu Huo*.
Tang Peng. *Lang Die. Ku Hua. Lian*.
Teo Huat. *Yi Piao*.
Tuo Ling. *Ban Qian Shang*.
Xiao Hei. *An Dan De Da Huo*.
Xiao Hei. *Xi Yu Fen Fen*.
Xu You Bin. *You Jian Cai Hong*.
Ye Lei. *An Xiang Wan Nian*.
Ye Lei. *Quan Tao*.
Yi Xiu. *Nan Yan*.
Yu Chuan. *Bu Chu Mai Tu Di De Ren*.

Yu Chuan. *Ka Ma De "Na Xi Lu Ma"*.
Yu Chuan. *Lao Shui Niu*.
Zeng Pei. *Ren Dao Lao Nian*.
Zhuang Hun. *Meng Guo Tan Tai*.
Zi Ling. *Huan*.

Nota: Teks sumber (cerpen) yang dijadikan data kajian ini bukan bersumberkan buku. Teks sumber ini diperolehi daripada penterjemah. Penterjemah berkemungkinan mendapatkannya daripada surat khabar lama. Oleh itu, maklumat lengkap tentang sumber penerbitan tidak dapat diberikan.

RUJUKAN

- Baker, M. 2011. *In other words: A coursebook on translation*. 2nd ed. London dan New York: Routledge.
- Catford, J. C. 1965. *A linguistic theory of translation: An essay in applied linguistics*. London: Oxford University Press.
- Chen, W. B. 2005. *Ying Han Cheng Yu Dui Bi Yu Fan Yi (Perbandingan dan penterjemahan peribahasa bahasa Inggeris-bahasa Cina)*. Beijing: Shi Jie Zhi Shi Chu Ban She.
- Choo, P. H., ed. 1995. *Keluarga*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Feng, Q. H. 1997. *Shi Yong Fan Yi Jiao Cheng (Ying Han Hu Yi) [Pengajian Penterjemahan (BI-BC)]*. Shanghai: Shanghai Wai Yu Jiao Yu Chu Ban She.
- Fu, H. Q. 2011. *Xian Dai Han Yu Ci Hui [Perbendaharaan kata bahasa Cina kontemporari]*. Hong Kong: Shang Wu Yin Shu Guan.
- Goh, S. S. 2010. Persamaan lambang dalam terjemahan peribahasa bahasa Melayu-bahasa Mandarin. In *Found in translation*, ed. S. T. Looi, et al. Kuala Lumpur: Universiti of Malaya.
- _____. 2012. Kebolehterjemahan budaya tabiat bahasa Cina-bahasa Melayu. *GEMA Online™ Journal of Language Studies* 12(1): 183–199.
- Kamus Cheng Yu Da Ci Dian (Kamus Besar Chengyu)*. 2007. Beijing: Shang Wu Yin Shu Guan Guo Ji You Xian Gong Si.
- Kamus Dewan*. 4th ed. 2005. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Istimewa Peribahasa Melayu*. 2nd ed. 1991. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Zhong Guo Cheng Yu Da Ci Dian (Kamus Besar Chengyu China)*. 1987. Shanghai: Shang Hai Ci Shu Chu Ban She.
- Kamus Zui Xin Han Yu Da Ci Dian (Kamus Besar Bahasa Cina Terkini)*. 2000. Selangor: United Publishing House (M) Sdn. Bhd.
- Larson, M. L. 1984. *Meaning-based translation: A guide to cross-language equivalence*. London: University Press of America.
- Lim, C. B., ed. 1988. *Mala adan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- _____, ed. 2000. *Dalam hujan renyai*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Li, J. L., ed. 1994. *Zhong Xue Bai Ke Quan Shu: Yu Wen (1) Juan [Ensiklopedia Ilmu Seni Klasik China: Bahasa Jilid (1)]*. Beijing: Bei Jing Shi Fan Da Xue Chu Ban She.
- Newmark, P. 1981. *Approaches to translation*. London: Pergamon Press Ltd.
- Nida, E. A. and C. R. Taber. 1969. *The theory and practice of translation*. Leiden: Koninklijke Brill NV.
- Wu, Z. K. and Q. Wang. 1983. *Xian Dai Han Yu Ci Hui Gai Yao (Asas perbendaharaan China moden)*. Huhehaote Shi: Nei Meng Gu Ren Min Chu Ban She.
- Yuen, B. C. and P. H. Choo, ed. 2004. *Impian di pelabuhan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Za'ba. 1965. *Ilmu mengarang Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zhang, Z. G., ed. 1982. *Xian Dai Han Yu (Bahasa Cina moden)*. Beijing: Ren Min Jiao Yu Chu Ban She.